

Cadangan inisiatif membangunkan program dan acara berkonsepkan desa dengan kerjasama pelbagai pihak melibatkan satu tindakan strategik bagi mencapai perancangan Desa Wawasan. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

DW 2.1: Memperkenalkan Program *Volunterism* Desa bagi menggalakkan Pelancongan Eko dan Pendidikan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

Cadangan ini adalah bagi menjadikan kawasan desa terpilih menjadi pilihan kepada pelancong yang ingin mengamalkan konsep sukarela (*volunteer*), di mana pelancong menjalankan aktiviti pemuliharaan dan pendidikan. Kerjasama daripada pelbagai agensi melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dari agensi swasta, NGO dan institusi.

Komponen Cadangan:

- Melaksanakan program tanam semula pokok di kalangan komuniti dan pelancong secara berterusan bagi memelihara alam semulajadi.
- Melaksanakan aktiviti menyemai benih pokok yang dianjurkan oleh agensi swasta, NGO atau kerajaan.
- Menjalankan program pembersihan pantai, sungai atau kampung dengan kerjasama pelajar, badan kerajaan dan institusi.
- Menjadikan beberapa destinasi pelancongan desa sebagai pusat pendidikan alam semulajadi.
- Menggalakkan program *trash hero* di kawasan tarikan pelancongan.
- Mempromosikan *Work for Your Stay* program yang menggalakkan sukarelawan backpackers untuk menjalankan aktiviti sukarelawan seperti mengajar bahasa inggeris, membina bangunan, dan lain-lain di bawah visa *Professional Visit Pass* bagi tempoh tidak lebih dari 12 bulan. (Jabatan Imigresen Malaysia, 2020)

Kaedah Pelaksanaan:

Kerjasama daripada pelbagai agensi melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dari agensi swasta, NGO dan institusi.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **9 kampung**.

| Daerah | Kampung Dalam Bandar | Kampung Dalam Desa |
|---------------|----------------------|--------------------|
| Johor Bahru | - | - |
| Kulai | - | - |
| Kota Tinggi | - | 2 |
| Pontian | 1 | 6 |
| Jumlah | 1 | 8 |

AGENSI PELAKSANA


| Pemula | Pelaksana |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • MOTAC • KPLB • Kem. Belia dan Sukan • Jabatan Pendidikan Johor | <ul style="list-style-type: none"> • PBT • NGO (WWF, MNS, Wetland International) • JPCK • Swasta (Khazanah, Petronas & Dialog) |

ANGGARAN KOS


- Kos pemasaran dan promosi: RM 15,000 ribu per kampung sepanjang fasa 1 (3 tahun) dengan jumlah kos = RM 405,000.
- Peruntukan program RM 50,000 per kampung setiap tahun (Fasa 1: 3 tahun) dengan jumlah kos = RM 1,350,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 1,755,000

FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.31: Model Pengurusan Cadangan Pembangunan Program *Volunteerism* Desa



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Penanda Aras Kajian

Program *Fuze Ecoteer Malaysia* di Pulau Perhentian menawarkan aktiviti dan pakej pelancongan sukarelawan di kawasan kampung.



Foto: Pakej pelancongan homestay bersama penduduk dengan aktiviti mengutip sampah di sepanjang pantai, Pulau Perhentian.

Program *Trash Hero Malaysia* di Mersing merupakan inisiatif pihak PBT dan Pejabat Daerah bersama NGO bagi kempen kutip sampah sambil riadah.




Foto: Kempen kutip sampah sambil beriadah bersama keluarga di kawasan pantai di Mersing.

Rajah 4.32: Lokasi bagi Program *Volunteerism* di Daerah Pontian



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 4.33: Lokasi bagi Program *Volunteerism* di Daerah Kota Tinggi



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019